

Persisi cari dana untuk biayai pesilat ke Austria

-3 APR 1986

Persis 3167
PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) sedang giat mencari dana untuk membiayai para pesilatnya bagi menyertai Pertandingan Silat Antarabangsa di Austria, pertengahan tahun ini.

Dalam pada itu, sekitar 40 orang pesilat pilihan Persisi kini sedang menjalani latihan teknik, selepas dua bulan menyiapkan diri dengan latihan membina tenaga.

Naib Presidennya, Encik Abdul Rahim Dayan, berkata: "Kami mahu menghantar ramai pesilat untuk menyertai lebih banyak pertandingan. Tapi, kami kesempitan wang dan dalam keadaan ekonomi sekarang, susah benar untuk mendapatkan penaja."

Bagi mengirim 10 orang pesilat (dua daripadanya wanita) dan dua orang pegawai, Persisi memerlukan \$20,000. Ia kini sedang menghubungi beberapa buah syarikat dan yaya-

san untuk mendapatkan tajaan.

Baru-baru ini, satu klinik latihan teknik yang melibatkan para jurulatih silat Indonesia telah diadakan.

"Para jurulatih itu kebetulan diundang oleh Persatuan Guru Seni Mempertahankan Diri Singapura. Kami memanfaatkan kehadiran mereka," jelas Encik Abdul Rahim.

Teknik

Dua daripada jurulatih Indonesia yang baik teknik silatnya itu ialah Rifa'i Sahib dan Puji Handoko.

Encik Abdul Rahim yakin Singapura mempunyai peluang cerah dalam pertandingan yang akan menampilkan pesilat olahraga yang hebat dari Indonesia, Malaysia, Thailand dan negara-negara Eropah seperti Jerman Barat dan Perancis.

Antara para pesilat harapan itu ialah Iskandar Muda yang pernah menggondol pingat perak dan gangsa dalam kejohanan yang sama di Jakarta.

"Dengan tajaan yang lebih besar, kami berharap peluang itu dapat diraih oleh para pesilat kita," kata Encik Abdul Rahim.